

03/05/1997

Sultan Selangor berkenan calon

SHAH ALAM, Jumaat - Sultan Selangor hari ini memperkenalkan calon yang dikemukakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk dilantik sebagai Menteri Besar yang baru.

Beliau memperkenalkan calon yang dikemukakan itu selepas menerima surat daripada Perdana Menteri yang dibawa oleh Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim di kediamannya di Istana Green Lodge, di sini pagi ini.

"Saya sudah terima surat dari Dr Mahathir. Saya sudah baca surat itu. Itu (keputusan) ikut kebijaksanaan Dr Mahathir. Saya ikut sahaja.

"Saya sangat berpuas hati dengan calon yang dikemukakan. Calon kali ini bersih. Calon ini juga bukan pilihan saya, pilihan Dr Mahathir. Saya bersetuju sahaja," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan 40 minit dengan Anwar.

Beliau menganggap dengan memperkenalkan calon yang dikemukakan itu, masalah pelantikan Menteri Besar sudah selesai. Sehubungan itu, beliau menasihati bakal Menteri Besar yang baru supaya bertugas sebaik mungkin dan perlu diteruskan sepanjang memegang jawatan itu.

"Calon Menteri Besar yang baru hendaklah bertugas sebaik mungkin, bukannya untuk peringkat permulaan, tetapi untuk selama-lama ketika menjadi Menteri Besar," katanya.

Beliau berkata, yang penting dan perlu ada pada Menteri Besar baru ialah jujur dan jangan bercakap bohong.

"Satu lagi, mestilah amanah dalam menjaga harta semua rakyat. Jangan tinggalkan rakyat di bawah," katanya.

Mengenai upacara angkat sumpah pelantikan Menteri Besar baru, beliau berkata, ia boleh dilaksanakan kemudian kerana beliau akan berlepas ke London dalam beberapa hari lagi.

"Yang penting sudah ada Menteri Besar. Angkat sumpah boleh diadakan pada bila-bila masa," katanya.

(END)